


Headline	Skuad Motor TNB KL tempuhi cabaran		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	05 Jul 2016	Language	Malay
Circulation	279,000	Readership	837,000
Section	Nasional	Page No	43
ArticleSize	669 cm <sup>2</sup>	Journalist	AHMAD ISMADI
PR Value	RM 34,235		



# Skuad Motor TNB KL tempuhi cabaran

■ AHMAD ISMADI ISMAIL

■ FOTO - SHARIFUDIN ABDUL

**KUALA LUMPUR** - Pelbagai cabaran terpaksa ditempuhi oleh Skuad Bermotor Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam usaha memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan di ibu kota.

Penolong Juruteknik Tingkatan Kanan, Shaifuddin Samat berkata, cabaran yang perlu dihadapi oleh pasukan Skuad Bermotor TNB antaranya adalah risiko kemalangan jalan raya.

"Pengalaman yang tidak boleh saya lupakan sehingga kini adalah saya pernah ditimpa kemalangan jalan raya pada tiga tahun lalu.

"Mujur lah saya hanya mengalami cedera ringan akibat terjatuh motosikal kerana dihimpit oleh kereta, walau bagaimanapun motosikal yang dinaiki mengalami kerosakan," katanya.

Beliau berkata, selain itu pasukan Skuad Bermotor ini juga terpaksa menempuh cuaca panas dalam usaha memberi perkhidmatan kepada pengguna.

"Selain itu, alamat yang tidak lengkap juga menyukarkan pasukan Skuad Bermotor untuk mencari rumah pengguna yang membuat aduan.

Shaifuddin telah berkhidmat dengan TNB selama 23 tahun, manakala untuk pasukan Skuad Bermotor pula sejak enam tahun lalu.

"Setiap bahagian TNB mempunyai cabaran yang berbeza, namun setiap pengalaman yang diperolehi amat berharga," katanya.

Katanya, kesedaran pengguna terhadap kerosakan dalaman membabitkan elektrik di dalam rumah mereka masih kurang.

"Kebanyakan panggilan

aduan yang kita dapat adalah membabitkan 'internal problem' di dalam rumah pengguna, walau bagaimanapun kita akan memberi tunjuk ajar kepada mereka bagi mengatasi masalah itu," katanya.

Shaifuddin berkata, pasukan Skuad Bermotor juga terpaksa pergi lokasi aduan pengguna apabila menerima panggilan ketika waktu terbuka.

"Kita hanya bawa bekal sebotol air untuk terbuka ketika dalam perjalanan ke lokasi aduan pengguna itu," katanya.

## Seselaikan kes dalam tempoh segera

Sementara itu, Pembantu Jurutera Tingkatan Kanan, Zulkefli Kassim berkata, pasukan Skuad Bermotor menerima kira-kira 10 hingga 20 kes untuk satu syif.

"Kadangkala kita menerima lebih 20 kes jika hujan dan ribut di Kuala Lumpur termasuk aduan pokok tumbang.

"Kita akan pergi ke lokasi pokok tumbang yang menyebabkan tiang patah serta wayar putus, kehadiran kami sekadar untuk memastikan keadaan di kawasan itu selamat, kita akan menutup bekalan jika membabitkan kes wayar putus akibat pokok tumbang demi keselamatan pengguna," katanya.

Beliau berkata, pasukan Skuad Bermotor juga berhadapan dengan pelbagai kerosakan pengguna.

"Saya pernah menerima panggilan aduan pengguna kira-kira dua minit sebelum terbuka puasa, sudah menjadi tugas kita untuk menyelesaikan aduan tersebut," katanya.

Katanya, prosedur operasi standard (SOP) pasukan Skuad

Bermotor untuk menyelesaikan setiap kes adalah dalam tempoh segera.

"Kita berjaya menyelesaikan masalah aduan pengguna dengan segera, tetapi ia juga bergantung kepada kerosakan pada setiap kes itu," katanya.

Sementara itu, Jurutera Kanan Pengurusan Aset Kuala Lumpur Bahagian Pembahagian TNB (LV ORR) Mohd Azlan Aziz berkata, TNB mempunyai 10 pasukan Skuad Bermotor bagi memberi perkhidmatan kepada pelanggan di Kuala Lumpur.

"Setiap pasukan mempunyai dua orang iaitu seorang Ketua

Pasukan dan seorang lagi Pembantu, ia disebabkan faktor keselamatan. Mereka juga akan menaiki motosikal secara berasingan.

"Seramai lima pasukan Skuad Bermotor bekerja secara syif, iaitu syif pagi masa kerjanya bermula jam 7 pagi hingga 3 petang, manakala syif petang pula bermula jam 3 petang hingga 11 malam," katanya.

Beliau berkata lagi, tujuan Skuad Bermotor yang ditubuhkan sejak 1986 adalah untuk memberi perkhidmatan yang lebih pantas kepada pengguna kerana faktor kesesakan jalan raya di pusat bandar khususnya pada petang.

"Tugas mereka adalah menyemak aduan pengguna, membaiki dan memulihkan bekalan jika ia melibatkan sistem TNB, untuk sampai ke lokasi setelah aduan diterima," katanya.

Mohd Azlan berkata, pasukan Skuad Bermotor ini turut dibekalkan alat komunikasi seperti 'personal digital asisten' (PDA).

"Kami akan memaklumkan aduan pengguna kepada Skuad Bermotor melalui PDA, pasukan ini juga akan memberitahu perkembangan terkini tugasannya melalui peralatan itu," katanya.

Headline	Skuad Motor TNB KL tempuhi cabaran		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	05 Jul 2016	Language	Malay
Circulation	279,000	Readership	837,000
Section	Nasional	Page No	43
ArticleSize	669 cm <sup>2</sup>	Journalist	AHMAD ISMADI
PR Value	RM 34,235		

Beliau berkata, TNB juga mempunyai perancangan untuk menambah ahli pasukan Skuad Bermotor pada masa akan datang. "Penambahan ahli pasukan Skuad Bermotor ini secara tidak

langsung dapat memantapkan lagi pasukan ini," katanya.

“Skuad motor ditubuhkan adalah untuk memberi

perkhidmatan yang lebih pantas kepada pengguna, terutamanya di pusat bandaraya kerana faktor kesesakan lalu lintas khususnya di sebelah petang”



ZULKEFLI KASIM




SHAIFUDDIN SAMAT



Headline	Skuad Motor TNB KL tempuhi cabaran		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	05 Jul 2016	Language	Malay
Circulation	279,000	Readership	837,000
Section	Nasional	Page No	43
ArticleSize	669 cm <sup>2</sup>	Journalist	AHMAD ISMADI
PR Value	RM 34,235		

## Perkara perlu diperiksa semasa bekalan elektrik terputus.



**Papan agihan**

**Suis RCCB**

**Suis RCCB**

- "Tripping" adalah apabila suis RCCB terpelantik ke bawah/OFF
- Kembalikan suis RCCB ke atas/ON
- Ikuti langkah di bawah sekiranya terpelantik semula:  
- Matikan semua peralatan/suis untuk kenalpasti punca "tripping"  
- Kembalikan suis RCCB ke atas/ON
- Seterusnya buka suis/peralatan satu demi satu.  
- Sekiranya terpelantik semula:  
- Suis/peralatan terakhir dibuka mungkin rosak.  
- Asingkan dan matikan suis/peralatan tersebut  
- Kembalikan suis RCCB ke atas/ON
- Jika "tripping" masih berlaku, hubungi kontraktor elektrik bertali.

**TENAGA NASIONAL**  
*Better. Brighter.*